




JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Rujukan kami : JPA(S)TT.193/111 Jld.11(67)
Tarikh : 9 Mac 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

GARIS PANDUAN PENUBUHAN UNIT PEMATUHAN DI JABATAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Seperti yang tuan sedia maklum, **Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 66 Bil. 2 Tahun 2010 pada 19 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, secara dasarnya bersetuju supaya *Compliance Unit* diwujudkan di semua jabatan peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri.**

3. Sehubungan dengan itu, dan mengambil kira faktor tiada pertambahan perjawatan, fungsi pematuhan bolehlah dilaksanakan oleh Pegawai Pematuhan di Unit Audit Dalam Kementerian dan Jabatan Persekutuan serta Negeri sebagai tambahan kepada fungsi Unit Audit Dalam yang sedia ada. Senarai tugas Pegawai Pematuhan adalah digariskan seperti di **Lampiran A**.

4. Perhatian dan kerjasama tuan di dalam perkara ini diucapkan terima kasih jua.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN MUNIRAH BINTI ABDULLAH BAJANUDDIN)

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SENARAI TUGAS PEGAWAI PEMATUHAN

1. Mengkaji sistem dan prosedur kerja untuk mengesan kelemahan dan mencadangkan penambahbaikan.
2. Membantu Ketua Jabatan memantau dan mengesan perbuatan salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
3. Membuat tindakan susulan ke atas aduan yang didapati berasas.
4. Menganggotai Jawatankuasa Siasatan Tata tertib dan menjalankan siasatan berkaitan pelanggaran tatakelakuan (mengikut kesesuaian/sekiranya terdapat keperluan).
5. Membuat analisis ke atas Laporan Ketua Audit Negara bagi memberi perhatian terhadap ketidakpatuhan utama kepada hasil daripada laporan audit.
6. Menyediakan laporan secara berkala kepada Pegawai Pengawal.